

DATE: 8 / 10 / 2007

Program basmi kemiskinan menyeluruh, tak kira kaum

BH - 8/10/2007

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan adalah menjadi dasar kerajaan melaksanakan program pembasmian kemiskinan di seluruh negara secara adil dan saksama tanpa mengira bangsa dan agama.

Serentak itu, Perdana Menteri mahu budaya penyayang yang menjadi amalan masyarakat negara ini terus dikekalkan sama ada ketika musim perayaan atau apabila berlaku bencana serta ditimpa kemalangan.

Katanya, orang miskin, orang kurang upaya, anak yatim dan ibu tunggal, sama ada Melayu, Cina, India atau kaum lain tetap diberikan bantuan secara adil dan saksama.

"Syukurlah kerana rakyat Malaysia mempunyai sifat kasih sayang dengan memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan dan golongan yang tidak bernasib baik.

"Amalan ini bukan saja ketika menyambut Aidilfitri, malah apabila tiba musim perayaan lain seperti Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas dan sebagainya," katanya pada penyampaian dermasiswa dan sumbangan Aidilfitri anjuran Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang) di Dewan Seri Endon, Pusat Budi Penyayang di sini, semalam.

Hadir sama, Datin Seri Jeanne Abdullah; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Penyayang, Datuk Leela Mohd Ali.

Selain majlis anjuran Penyayang, Abdullah menyampaikan sumbangan hari raya bagi ketiga-tiga Dewan Undangan Negeri di Kepala Batas iaitu Pinang Tunggal, Bertam dan Penaga, secara berasingan.

Perdana Menteri menyampaikan sumbangan kepada hampir 200 ahli Koperasi Pembangunan Ekonomi Kepala Batas Berhad serta menerima sumbangan daripada sektor korporat, termasuk Bank Kerjasama Rakyat Berhad (Bank Rakyat).

Beliau turut menerima sumbangan daripada Pengarah Urusan Gerbang Sawit Sdn Bhd, Zamri Abdul Hamid untuk diberikan kepada golongan miskin.

Lebih 1,000 menerima sumbangan yang disampaikan Perdana Menteri sepanjang sehari di Kepala Batas. Abdullah membuka puasa di Masjid Jamek Lahar Kepar, Penaga.

Selepas itu, Perdana Menteri mengunjungi sahabatnya, Ismail Umar di Kampung Aur, Penaga sebelum menghadiri program Singgah Sahur bersama anak yatim anjuran TV3 di Taman Bakti di sini.

Abdullah berkata, yang menjadi kepentingan kerajaan ialah melakukannya yang terbaik untuk rakyat walaupun ada kalanya ramai tidak memahaminya.

Dalam keadaan itu, ada pihak cuba mengambil kesempatan mempengaruhi rakyat sehingga menimbulkan masalah dalam masyarakat.

Ketika berucap di Pinang Tunggal, Perdana Menteri meminta pihak berkaitan memberi penjelasan kenapa mangsa tsunami yang masih tinggal di pusat penempatan sementara di Batu Feringgi belum dibenarkan berpindah kerana mereka sepatutnya sudah berpindah ke rumah kekal berhampiran Masjid Terapung, Tanjung Bunga.

"Bukankah Datuk Seri Najib Razak (Timbalan Perdana Menteri) dah kata...dah umum boleh masuk, kenapa tak boleh masuk lagi. Yang tidak layak, tidak ada sebab untuk masuk.

"Tapi, patutnya yang lain dah boleh masuk dah. Kenapa jadi macam ini. Hubungi pihak berkuasa berkenaan termasuk Bahagian Perumahan. Dapatkan penjelasan, kenapa tidak boleh masuk, mahu tunggu apa lagi," katanya.

FAKTA NOMBOR

Bantuan mangsa tsunami

126

Unit rumah di Kuala Muda, Kedah

100

Unit pangsapuri di Tanjung Bungah